



International Journal of Modern Trends in
Social Sciences (IJMTSS)
Journal Website: <http://ijmtss.com/>
eISSN: 2600-8777



STRATEGI MENINGKATKAN TAHAP PENERAPAN NILAI PERPADUAN DALAM KALANGAN PELAJAR IPT

STRATEGIES IN INCULCATING UNITY VALUES AMONG HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS STUDENTS

Muhammad Fuad Othman^{1*}, Zaheruddin Othman², Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah³,
Fairol Halim⁴, Abdul Rahman Abdul Aziz⁵, R Sivaperegasam P Rajanthiran⁶, Nik Fauziliana Mohd
Tamizi⁷

¹ School of International Studies, Universiti Utara Malaysia
Email: mfuad@uum.edu.my

² School of Government, Universiti Utara Malaysia
Email: zaher@uum.edu.my

³ School of International Studies, Universiti Utara Malaysia
Email: ainuddin@uum.edu.my

⁴ School of Business Management, Universiti Utara Malaysia
Email: fairol@uum.edu.my

⁵ School of Government, Universiti Utara Malaysia

⁶ School of International Studies, Universiti Utara Malaysia

⁷ School of Human Development and Techno Communication Universiti Malaysia Perlis
Email: mnikfauziliana@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.05.2020
Revised date: 31.05.2020
Accepted date: 10.06.2020
Published date: 15.06.2020

Abstrak:

Perpaduan dalam masyarakat menjadi tonggak kepada keberhasilan dan keharmonian sesuatu negara. Oleh itu, untuk memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan yang aman damai, perpaduan antara kaum harus terus dipupuk. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai apakah strategi untuk meningkatkan tahap penerapan nilai perpaduan dalam kalangan pelajar di IPT. Kajian ini berbentuk kuantitatif, persoalan kajian bagi kajian ini adalah apakah strategi untuk meningkatkan tahap penerapan nilai perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Kajian lapangan dilaksanakan dan pengumpulan data adalah daripada kaedah edaran borang soal selidik. Sebanyak 1000 borang soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 478 borang dikembalikan. Hasil dapatan kajian mendapati majoriti pelajar di peringkat IPT mempunyai tahap kefahaman peringkat serdehana terhadap konsep perpaduan yang diaplikasikan oleh negara untuk mengeratkan hubungan antara kaum. Di samping itu, pelajar-pelajar ini juga kurang bersedia untuk berasimilasi bersama kaum lain. Ekoran daripada itu, penekanan yang lebih giat perlu dilaksanakan seperti memupuk

To cite this document:

Othman, M. F., Othman, Z., Abdullah, M. A. I. L., Halim, F., Aziz, A. R. A., Rajanthiran, R. S. P., & Tarmizi, N. F. M. (2020). Strategi Meningkatkan Tahap Penerapan Nilai Perpaduan dalam Kalangan Pelajar IPT. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (12), 89-102.

DOI: 10.35631/IJMTSS. 312009

semangat perpaduan yang perlu bermula dari institusi kekeluargaan dan di peringkat prasekolah lagi. Di samping itu, penekanan juga harus diperkasakan dalam bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan bahasa rasmi di IPT. Adalah dicadangkan juga agar penambahbaikan sistem pembelajaran di universiti agar setiap program yang dijalankan dapat memupuk semangat perpaduan dan memberi pendedahan kepada keterbukaan dan penerimaan pelbagai kaum demi memupuk perpaduan nasional yang lebih utuh. Kajian ini telah ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui skim Fundamental Research Grant Scheme (FRGS).

Kata Kunci:

Penilaian Konsep Perpaduan, Strategi Meningkatkan Perpaduan, Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Abstract:

Unity in a society is the backbone of a nation's productivity and harmony. Therefore, in order to keep the country in a peaceful state, unity among races must be nurtured and maintained. Therefore, this study was conducted to assess the strategy for enhancing the level of integration among (IPT) students. The methods of this study are quantitative research and the research question is to assess strategy for enhancing the level of integration among (IPT) students. This study was conducted through the dissemination of questionnaires and the sample consisted of local (IPT) students. A total of 1000 manuscripts were distributed and from that 478 manuscripts were returned and analyzed. This research found that most (IPT) students are on a medium level of understanding of the unity concept. In addition, this study found that these students lack the will to assimilate among them in totality which is the chief objective of the unity concept. Therefore, it is recommended that the cultivation of the spirit of unity must begin from as early as the family unit and also at the pre-school level. In addition, emphasis should also be given to the usage of the Malay language as the official language of unity and learning in the universities. It is also recommended that reforms must be made and that elements of national unity must be embedded in all university programs so that it will inculcate openness and acceptance among all citizens towards true national unity. This research was funded under the Ministry of Higher Education Fundamental Research Grant Scheme (FRGS).

Keywords:

Unity, Strategy Enhances Unity, Higher Education Institutions (IPT) Students

Pengenalan

Menelusuri sejarah negara, asas permulaan pembinaan perpaduan di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan negara adalah melalui persetujuan bersama Kontrak Sosial dalam kalangan pemimpin Melayu dan bukan Melayu. Persetujuan ini dicapai setelah rundingan dan tolak ansur dilakukan hasil permuafakatan parti-parti politik berasaskan kaum yang diwakili iaitu Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Malaya (MIC). Kontrak Sosial tidak harus dianggap sebagai persetujuan pemimpin atau kelas elit kaum-kaum berkenaan sahaja tetapi merupakan simbolik kepada peretujuan pemimpin yang mewakili kaum masing-masing. Permuafakatan itu mendapat sokongan rakyat yang dibuktikan dengan kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya umum pertama negara pada 1955 (Abdul Manaf Ahmad 2009).

Persetujuan dan penerimaan telah dicapai oleh generasi terdahulu yang telah pun merintis jalan perpaduan untuk generasi berikutnya. Faktanya ialah, Kontrak Sosial adalah persetujuan atau janji dua belah pihak yang dicapai melalui proses muafakat dan musyawarah demi pembentukan sebuah negara merdeka yang perlu bertunjangkan perpaduan penduduk berbilang kaum pada ketika itu. Thomas Hylland Eriksen (2009) berpandangan masyarakat yang dicirikan dengan perpecahan akibat wujud perbezaan dari segi ras dan etnik. Kemajmukan di Malaysia adalah impak era kolonial British yang telah menjalankan dasar campur tangan dalam struktur sosio-politik masyarakat Melayu tradisi. Selain itu faktor migrasi masyarakat asing khususnya dari Tanah Besar China dan India turut membentuk kemajmukan kaum. Kehadiran imigran tersebut menjadi sumber bekalan buruh kepada British untuk mengerjakan kegiatan perlombongan bijih timah dan pengeluaran getah di Tanah Melayu (Shamsul Amri 2010). Oleh itu, perpaduan samada secara mekanikal mahupun organik perlulah diusahakan demi kelangsungan dan keutuhan sesebuah negara (Jary & Jary, 1991).

Permasalahan Kajian

Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam menyemai benih perpaduan terutamanya dalam kalangan generasi kanak-kanak di peringkat sekolah (Lee Lam Thye 2013). Dalam menjamin pembentukan negara bangsa yang ideal, nilai-nilai integrasi dan perpaduan haruslah disemai dari peringkat tahap pendidikan mereka (Yusfarina & Abdul Rasid 2011). Kenyataan ini sememangnya dipersetujui oleh banyak pihak dan kerajaan sendiri menggubal Falsafah Pendidikan Negara dan Dasar Pendidikan Negara dengan roh dan semangat menyatupadukan murid-murid berbilang kaum. Dasar kerajaan adalah jelas iaitu menggalakkan rakyat Malaysia berbilang kaum menghantar anak-anak ke Sekolah Kebangsaan agar dapat mewujudkan proses sosialisasi dan persekitaran pembelajaran yang harmoni dalam kalangan murid-murid berbilang kaum. Malahan pembinaan negara bangsa telah digariskan sebagai Teras Pertama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang menjadi garis panduan dalam melaksanakan program pendidikan masa kini di Malaysia (Yusfarina & Abdul Rasid 2011).

Akan tetapi penyemaian semangat perpaduan hanya di peringkat persekolahan sahaja tidak memberikan kesan yang agresif. Penyemaian dan pemupukan ini haruslah terus digarap di institusi-institusi pengajian tinggi agar konsep perpaduan yang diimpikan menjadi realisasi (Abdul Manaf Ahmad 2009). Justeru itu, Institusi Penganjiaan Tinggi (IPT) merupakan satu cara atau tempat yang amat strategik dalam memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar pada peringkat akar umbi. Hal ini kerana, kebanyakan pelajar yang ada di Malaysia sama ada Universiti Awam atau Universiti Swasta terdiri daripada pelbagai bangsa, agama serta warna kulit yang berbeza dan di institusi pengajian tinggi ini mereka dapat di satukan dengan harmoni.

Ekoran daripada itu, kajian yang akan dilaksanakan oleh pasukan ini penting dalam usaha menilai semula kedudukan kajian yang telah dikeluarkan oleh Merdeka Center pada 9 Julai 2010 yang lalu dengan mendakwa bahawa konsep perpaduan hanya bermotifkan politik semata-mata demi survival parti pemerintah dan kajian. Berdasarkan kajian terhadap aspek soal perpaduan nasional, integriti, penyertaan demokratik dan tindakan afirmatif di kalangan responden iaitu seramai 3,141 orang dewasa berusia antara 19 tahun dan ke atas dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang ditemu bual oleh Merdeka Center. Daripada jumlah itu 51 peratus merupakan orang Melayu, 26 peratus Cina, India (tujuh peratus), Bumiputera Islam (sembilan peratus) dan bukan Bumiputera Islam (tujuh peratus). Justeru itu, kajian yang akan dilakukan ini penting untuk menguji balas sejauhmana keabsahan kajian oleh Merdeka Center terhadap konsep perpaduan. Kajian ini mengfokuskan tentang strategi meningkatkan

tahap penerapan nilai perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Hal ini kerana, dalam kalangan mahasiswa yang berlatar belakangkan pengajian sains sosial, mereka mungkin mudah memahami isu ini dan mempunyai persepsi tersendiri. Tetapi bagi kumpulan mahasiswa universiti yang berasaskan bidang sains tulen seperti kejuruteraan dan perubatan mungkin agak berbeza dari segi pemikiran mereka ataupun mereka langsung tidak ambil peduli terhadap isu-isu ini. Hal ini kerana kumpulan mahasiswa sains tulen ini dikatakan agak sibuk dengan tuntutan pembelajaran sehingga tidak ada masa untuk berfikir mengenai hal-hal yang dinyatakan di atas.

Ulasan Karya

Isu perpaduan nasional sering menjadi salah satu agenda yang dibincangkan di mana-mana negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik. Perpaduan nasional adalah salah satu faktor penyumbang kepada kestabilan politik yang tidak boleh diabaikan dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Namun begitu, perbincangan mengenai sejauh mana tahap pembinaan Bangsa Malaysia dan perpaduan nasional di negara ini masih menjadi tanda tanya dan terus dibahasakan para sarjana bidang berkaitan. Pembinaan negara bangsa Malaysia perlu diteliti sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957 (Suhana, Lyndon, Sivapalan, Sarmila, Zaimah, Azima 2013). Walaupun usaha untuk mengintegrasikan masyarakat telah dijalankan sejak zaman sebelum kemerdekaan lagi, namun perpaduan sebenar yang diharapkan masih belum tercapai sepenuhnya memandangkan konsep Bangsa Malaysia juga belum memperlihatkan *standard* yang diinginkan. Perpaduan nasional yang terhasil daripada pembentukan sebuah negara-bangsa yang berjaya merupakan matlamat utama dalam usaha membentuk sebuah negara yang teguh, bersatu padu, utuh dan selamat dalam jangka masa yang panjang. Malaysia mempunyai proses dan acuannya tersendiri dalam merangka perpaduan dan integrasi iaitu amalan demokrasi permuafakatan (*consociationalism*) yang bertanggungjawab membentuk corak hubungan antara kaum di Malaysia (Abd Muis 2009). Malah, konsep ini terbit daripada konsensus yang dicapai melalui Kontrak Sosial yang dipersetujui kelas elit kaum-kaum utama yang menjadikan permuafakatan sebagai kerangka asas pembentukan Perlembagaan Malaysia (Abd Muis, Hussin & Azmier Mohamed 2011). Mohd Rizal & Shamrahayu (2014) mengatakan biarpun istilah 'kontrak sosial' diketahui tidak wujud secara dasar dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, namun dari perspektif sejarah ia adalah realiti yang mentakrifkan sifat negara kerana dokumen tersebut telah menggariskan asas keadilan ekonomi, politik dan kebudayaan antara kaum, sekali gus menjadi asas kepada kestabilan sosial masyarakat Malaysia sejak merdeka pada 31 Ogos 1957.

Konsep perpaduan dan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

Dalam kajian Abdullah Taib (2003) menyatakan bahawa kebanyakan kajian hubungan etnik menunjukkan faktor interaksi berkait rapat dengan kadar integrasi. Kadar integrasi dalam satu-satu komuniti ditentukan oleh faktor sama ada ahli-ahli komuniti itu berpeluang untuk berinteraksi dengan ahli-ahli kaum lain. Menurut beliau para pelajar yang berada di kampus mempunyai peluang dan kebebasan untuk bercampur gaul antara satu sama yang lain. Sekiranya para pelajar tidak menggunakan peluang yang sedia ada untuk berhubung dengan kaum lain, maka ia berkemungkinan mewujudkan jurang dan polarisasi kaum di kampus.

Kajian Abdullah Taib (1984) di tiga buah universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) adalah berkenaan kadar interaksi di kalangan pelajar pelbagai kaum. Beliau mendapati bahawa darjah interaksi adalah tinggi hanya wujud di kalangan sesama etnik (*intra-ethnic*) jika dibandingkan dengan kadar interaksi antara etnik (*inter-ethnic*). Keadaan terjadi disebabkan para pelajar menziarahi rakan-rakan bertujuan untuk membuat perbincangan pelajaran atau menyiapkan tugas.

Pelajar-pelajar bukan Melayu mengunjungi teman Melayu adalah untuk memperbaiki esei ataupun catatan nota kuliah. Kajian juga menunjukkan para pelajar kurang meminta nasihat atau pertolongan kerana ia melibatkan nilai emotif yang tinggi dan sukar dibincangkan dengan rakan etnik yang lain. Polarisasi etnik nyata wujud di kalangan pelajar apabila didapati sebilangan besar pelajar Melayu tidak mengunjungi bilik kaum Cina dan India. Mereka lebih suka mengunjungi bilik sesama etnik.

Dalam kajian Mansor Mohd. Noor dan rakan-rakan (2001) tahap atau darjah etnik seseorang individu itu akan menentukan tingkahlakunya dipengaruhi oleh perkiraan etnik atau tidak. Individu yang tebal batas etniknya akan mengutamakan perkiraan etnik di dalam tingkahlakunya. Berbeza dengan individu yang nipis atau pupus batas etniknya akan mengutamakan perkiraan bersifat non-etnik hingga boleh berhubungan dengan individu-individu lain berdasar silang kumpulan. Dalam suasana sosial berbentuk ini, masyarakat lebih bersifat bersatu padu dan harmoni. Berlainan jika batas etnik itu tebal, individu hanya berhubungan dengan individu lain berdasarkan persamaan etnik hingga wujud masyarakat plural; terpisah, terasing dan masing-masing berada dalam kotak masing-masing tanpa diikat oleh nilai yang dikongsi bersama.

Kenichi Ohmae (1995) menyifatkan abad ke 20 dan awal abad ke 21 sebagai era berakhirnya negara bangsa. Lanjutan itu, beliau menekankan kepada pembentukan dunia tanpa sempadan yang ditunjangi oleh aliran kecanggihan berasaskan teknologi maklumat. Bagi beliau juga, keunggulan negara bangsa telah roboh dan tercabar akibat beberapa elemen kuasa baru iaitu industri, pelaburan, pengguna dan maklumat. Sebagai ganti negara bangsa, Ohmae mengungkapkan kepentingan *region state* (negara wilayah) yang berperanan sebagai pusat hubungan dengan dunia global. Sekadar mengambil beberapa contoh, antara isu panas yang timbul termasuklah tindakan sebahagian pemimpin-pemimpin politik yang memainkan sentimen perkauman bagi meraih populariti dan simpati. Walaupun begitu, melampaui abad ke 21 ini, persoalan pembinaan negara bangsa masih berlegar dalam perbahasan dikalangan pelbagai pihak khususnya para sarjana. Dalam pada itu, kerajaan dan kepimpinan negara-negara tertentu masih berusaha untuk membentuk sebuah negara bangsa yang ideal bagi sempadan geo-politik masing-masing. Rencana tentang perpaduan kaum sehingga kini banyak menyentuh soal sejarah, punca dan kesan kepada negara. Walau bagaimanapun, penulisan tentang usaha kerajaan bagi menyatukan kaum melalui hubungkait dengan nilai kesederhanaan dalam dasar-dasar nasional memperlihatkan masih kurang dibincangkan.

Metodologi

Lokasi Kajian

Selari dengan penyelidikan melalui kaedah kuantitatif, maka kajian ini dilakukan adalah di seluruh Malaysia dengan membahagikan lokasi mengikut zon-zon yang telah ditetapkan. Zon-zon berikut adalah zon utara dengan mengambil sampel di negeri Kedah, zon tengah dengan mengambil sampel di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di zon selatan sampel diambil di negeri Johor, manakala di zon timur sampel diambil dalam negeri Pahang. Bagi Sabah dan Sarawak data di kutip di kedua-dua negeri tersebut. Jadual di bawah menerangkan pembahagian lokasi kutipan data secara ringkas.

Jadual 1.1: Pembahagian Zon dan Lokasi Kajian

Zon	Negeri yang terlibat	Institusi
Utara	Kedah	UUM
Tengah	Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	UITM
Selatan	Johor	UTHM
Timur	Pahang	UMP
Sabah dan Sarawak	Sarawak dan Sabah	UNIMAS & UMS

Sampel dan Populasi

Populasi merujuk kepada sekumpulan individu, objek atau benda kejadian yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji. Menurut Rohana Yusof, (2004), setiap individu atau objek dalam sesuatu populasi berkemungkinan berbeza-beza dalam banyak segi, namun ianya mestilah mempunyai tidak kurang daripada satu ciri yang sama. Manakala persampelan merupakan pengambilan sebahagian pecahan daripada suatu populasi sebagai mewakili populasi tersebut. Saiz sampel kajian adalah ditentukan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel. Populasi pelajar di IPT semasa proses kajian dijalankan adalah sekitar 100, 000 lebih pelajar. Pembahagian dan pengagihan sampel adalah berdasarkan zon-zon negeri dalam Malaysia dimana, responden yang terlibat dalam kajian ini dipilih secara rawak daripada setiap sub-zon populasi yang telah dikenal pasti. Fokus ini dilihat perlu kerana data yang dikutip seharusnya mempunyai kaitan dengan persoalan kajian. Jadual dibawah menunjukkan ringkasan sampel kajian yang dijalankan.

Jadual 1.2: Ringkasan Sampel Kajian


Zon	Pengagihan borang soal selidik
Utara	200
Tengah	200
Selatan	200
Timur	200
Sabah dan Sarawak	200
Jumlah	1000

Instrument Kajian

Pembentukan item-item soalselidik kajian adalah berdasarkan kepada hasil bacaan buku rujukan, kajian-kajian tinjauan. Skala Likert yang diguna pakai dalam kajian soal selidik ini sesuai untuk mengumpul data dari kumpulan responden yang besar. Terdapat lima tahap skala yang digunapakai (1) sangat tidak bersetuju, (2) tidak bersetuju, (3) tidak pasti, (4) bersetuju, dan (5) sangat bersetuju. Dasar pemilihan Skala Likert adalah untuk memudahkan responden memahami dan menjawab soalan yang terdapat dalam borang soal selidik. Menurut Noraini Idris (2010), data merujuk kepada maklumat yang diperolehi penyelidik tentang subjek penyelidikan atau kajian. Contoh data ialah maklumat demografi seperti umur, jantina, etnik dan agama; skor bagi ujian yang dibina oleh penyelidik; respon kepada soalan penyelidik, sama ada melalui temu bual atau jawapan bertulis dalam borang soal selidik. Kebanyakan penyelidikan menggunakan instrumen, sama ada instrumen yang dibentuk oleh penerbit, direka sendiri oleh penyelidik, atau instrumen piawai. Secara keseluruhan, semua proses penyediaan untuk mengumpul data dipanggil instrumentasi.


Analisi Dapatan Kajian

Analisis strategi untuk meningkatkan tahap penerapan nilai perpaduan dalam kalangan pelajar IPT ini di dilaksanakan dalam kajian ini bagi melihat dan mencari apakah strategi baru yang boleh disumbangkan untuk meningkatkan lagi tahap perpaduan dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi.



Rajah 1.1: Pecahan Etnik Responden


Rajah 1.1 menunjukkan pecahan peratusan responden mengikut etnik. Dapat diperhatikan golongan pelajar daripada etnik berbangsa Melayu lebih ramai berbanding etnik lain iaitu sebanyak 87.6 peratus terdiri daripada responden Melayu. Diikuti dengan Cina sebanyak 4.9 peratus, 4 peratus india, 2.3 peratus bumiputra sabah, 0.4 peratus daripada bumi putra Sarawak dan 0.8 peratus lain-lain. Keadaan ini menunjukkan golongan pelajar Melayu lebih ramai berbanding etnik lain. Keadaan ini normal kerana pecahan pelajar di universiti juga mempunyai kuota masing-masing dan pelajar Melayu lebih ramai berbanding etnik lain.



Rajah 1.3: Pihak Universiti Perlu Mewajibkan Pelajar Berbilang Kaum Tinggal Di Asrama (Berkongsi Bilik)


Rajah 1.3 menunjukkan hasil dapatan kajian daripada soalan berkaitan “pihak universiti perlu mewajibkan pelajar berbilang kaum tinggal di asrama (berkongsi bilik)” dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) dapatan yang diperolehi adalah seperti dalam rajah 4.32. Majoriti pelajar atau responden memilih skala ‘tidak pasti’ yang mencapai sebanyak 37.1 peratus, manakala sebilangan pelajar memilih skala ‘bersetuju’ sebanyak 30.4 peratus dan diikuti dengan pelajar yang memilih skala ‘sangat bersetuju’ sebanyak 10.1 peratus. Akan tetapi, pemilihan skala ‘sangat tidak bersetuju’ juga agak tinggi dengan peratusan sebanyak 16 peratus diikuti dengan

skala ‘tidak bersetuju’ sebanyak 6.3 peratus. Keadaan ini menggambarkan sebilangan pelajar setuju untuk berkongsi bilik dengan pelajar berlainan agama dan sebilangan besar pelajar lagi tidak pasti serta tidak gemar berkongsi bilik dengan pelajar lain yang berlainan agama.



Rajah 1.4: Majlis Perwakilan Pelajar Perlu Terdiri Daripada Pelajar Pelbagai Kaum Serta Menjaga Kepentingan Dan Kebajikan Pelajar Pelbagai Kaum


Rajah 1.4 menunjukkan hasil dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan soalan ‘Majlis Perwakilan Pelajar perlu terdiri daripada pelajar pelbagai kaum serta menjaga kepentingan dan kebajikan pelajar pelbagai kaum’. Skala jawapan yang digunakan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Berdasarkan skala yang digunakan majoriti pelajar memilih skala ‘sangat bersetuju’ dengan peratusan sebanyak 36.4 peratus dan hanya sebilangan kecil yang tidak bersetuju dengan peratusan sebanyak 0.6 peratus memilih ‘sangat tidak bersetuju’ dan 1.3 peratus ‘tidak bersetuju’. Ini menggambarkan majoriti pelajar bersetuju bahawa Majlis Perwakilan Pelajar perlu terdiri daripada pelajar pelbagai kaum serta menjaga kepentingan dan kebajikan pelajar pelbagai kaum.



Rajah 1.5: Merancang Aktiviti Karnival Yang Melibatkan Semua Budaya Secara Konsisten (Setiap Semester)


Melihat pada rajah 1.5 dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada kajian tentang soalan berkaitan ‘Merancang aktiviti karnival yang melibatkan semua budaya secara konsisten (setiap semester)’. Peratusan tertinggi adalah pada skala ‘tidak pasti’ sebanyak 37.3 peratus. Ini menunjukkan terdapat sebilangan besar pelajar yang tidak pasti bahawa aktiviti karnival yang melibatkan semua budaya secara konsisten (setiap semester) dapat mempertingkatkan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar. Akan tetapi sebilangan besar lagi pelajar ‘bersetuju’

(30.7 peratus) dan ‘sangat bersetuju’ (29.9 peratus) dengan penganjuran aktiviti karnival yang melibatkan semua budaya secara konsisten (setiap semester) dapat mengeratkan hubungan perpaduan sesama kaum dalam kalangan pelajar.



Rajah 1.6: Menganjurkan Program Yang Mendedahkan Pelajar Kepada Keterbukaan Kaum


Rajah 1.6 menunjukkan analisis data yang diperolehi hasil kajian yang dibuat ke atas soalan ‘menganjurkan program yang mendedahkan pelajar kepada keterbukaan kaum’ dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Hasil dapatan kajian mendapati majoriti pelajar memilih skala ‘sangat bersetuju’ iaitu sebanyak 34.9 peratus dan golongan pelajar yang memilih skala ‘bersetuju’ sebanyak 28.8 peratus. Ini menggambarkan purata pelajar bersetuju bahawa menganjurkan program yang mendedahkan pelajar kepada keterbukaan kaum. Akan tetapi, masih terdapat sebilangan besar memilih skala ‘tidak pasti’ iaitu sebanyak 33.7 peratus yang menggambarkan ketidakpastian para pelajar pada penganjuran program yang mendedahkan pelajar kepada keterbukaan kaum.



Rajah 1.7: Pihak Kementerian Perlu Meningkatkan Kurikulum Dan Program Perpaduan Kaum Di Setiap Universiti Dan Menselaraskannya Agar Graduan Yang Dihasilkan Mempunyai Kualiti Yang Sama


Rajah 1.7 menunjukkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada soalan ‘pihak kementerian perlu meningkatkan kurikulum dan program perpaduan kaum di setiap universiti dan menselaraskannya agar graduan yang dihasilkan mempunyai kualiti yang sama’. Hasil kajian menunjukkan majoriti daripada pelajar memilih Skala jawapan tidak pasti iaitu sebanyak 36.2 peratus diikuti dengan skala ‘bersetuju’ dan ‘sangat bersetuju’ dimana masing-masing

berkongsi purata yang sama iaitu 30 peratus. Keadaan ini, menggambarkan purata pelajar yang bersetuju dan tidak pasti berkaitan 'pihak kementerian perlu meningkatkan kurikulum dan program perpaduan kaum di setiap universiti dan menselaraskannya agar graduan yang dihasilkan mempunyai kualiti yang sama' adalah hampir sama.



Rajah 1.8: Mengutamakan Bahasa Kebangsaan Sebagai Bahasa Pengantar Utama Di Universiti


Rajah 1.8 menunjukkan hasil dapatan kajian soalan 'mengutamakan Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa pengantar utama di universiti'. Dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) maka, hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar memilih skala 'sangat bersetuju' iaitu sebanyak 35.8 peratus. Keadaan ini menggambarkan majoriti pelajar bersetuju bahawa mengutamakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama diuniversiti adalah perlu untuk meningkatkan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Akan tetapi terdapat sebilangan besar pelajar yang memilih skala 'tidak pasti' iaitu sebanyak 33.9 peratus yang pad sisi lainnya menggambarkan ketidakpastian pelajar tentang penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di universiti.



Rajah 1.9: Pihak Universiti Perlu Mengadakan Kesamarataan Jawatan Dalam Setiap Tingkat Kepimpinan Pelajar (Kelab/Persatuan/dll)


Rajah 1.9 menunjukkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada soalan 'pihak universiti perlu mengadakan kesamarataan jawatan dalam setiap tingkat kepimpinan pelajar' dengan menggunakan skala jawapan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) maka dapatan kajian yang diperolehi adalah menunjukkan majoriti pelajar memilih skala 'tidak pasti' sebanyak 37.7 peratus. Manakala,

peratusan pelajar yang memilih skala 'bersetuju' dan 'sangat bersetuju' masing-masing sebanyak 28.2 peratus dan 29.9 peratus.



Rajah 1.10: Membahagikan Tugas Kumpulan Berdasarkan Berbilang Kaum


Rajah 1.10 menunjukkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada soalan 'membahagikan tugas kumpulan berdasarkan berbilang kaum' dapat meningkatkan perpaduan kaum antara kaum di IPT. Dapat diperhatikan majoriti pelajar IPT memilih skala 'tidak pasti' iaitu sebanyak 34.1 peratus. Ini menggambarkan bahawa pelajar IPT tidak pasti dan tidak yakin bahawa pembahagian tugas kumpulan berdasarkan berbilang kaum dapat memupuk dan mengeratkan hubungan perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Namun begitu, peratusan yang tinggi juga dapat dilihat pada skala 'bersetuju' dan 'sangat bersetuju' iaitu masing-masing mencapai peratusan 29.1 peratus dan 32 peratus. Keadaan ini menunjukkan terdapat sebilangan besar pelajar yang percaya bahawa membahagikan tugas kumpulan berdasarkan berbilang kaum dapat meningkatkan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar IPT.



Rajah 1.11: Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Agama Perlu Di Hapuskan

Dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) maka rajah 4.40 menunjukkan hasil dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada soalan 'Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Agama perlu di hapuskan'. Berdasarkan pada rajah 1.11 majoriti pelajar memilih jawapan pada skala 'tidak pasti' iaitu sebanyak 37.7 peratus mengatasi pilihan pada skala lain. Peratusan kedua tertinggi adalah pada skala 'sangat bersetuju' iaitu sebanyak 25.9

peratus, diikuti skala 'bersetuju' sebanyak 19.2 peratus. Akan tetapi, terdapat sebilangan pelajar memilih skala 'sangat tidak bersetuju' dan tidak bersetuju yang masing-masing mewakili 12 peratus dan 5.3 peratus.



Rajah 1.12: Nilai Perpaduan Seharusnya Disemai Di Peringkat Awal Persekolahan Dan Dalam Institusi Kekeluargaan

Rajah 1.12 menunjukkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada soalan 'nilai perpaduan seharusnya disemai di peringkat awal persekolahan dan dalam institusi kekeluargaan'. Dengan menggunakan Skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 36.7 peratus pelajar memilih skala 'sangat bersetuju'. Ini menggambarkan kebanyakan pelajar di IPT bersetuju bahawa nilai perpaduan seharusnya disemai di peringkat awal persekolahan dan dalam institusi kekeluargaan. Sebanyak 28.7 peratus pelajar memilih skala 'bersetuju' dan terdapat 31.4 peratus pelajar memilih skala 'tidak pasti'. Terdapat juga pelajar yang memilih skala 'sangat tidak bersetuju' dan skala 'tidak bersetuju' yang masing-masing mewakili 0.6 peratus dan 2.5 peratus.

Perbincangan Dan Rumusan

Melihat pada strategi untuk meningkatkan tahap penerapan nilai perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Tujuan utama objektif ini adalah untuk melihat apakah strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Hasil dapatan kajian yang diterima menunjukkan majoriti pelajar IPT memilih strategi mengutamakan Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa pengantar utama di universiti sebagai strategi yang paling baik, hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar memilih skala 'sangat bersetuju' iaitu sebanyak 35.8 peratus. Keadaan ini menggambarkan majoriti pelajar bersetuju bahawa mengutamakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di universiti adalah perlu untuk meningkatkan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Di samping itu strategi kedua yang menjadi pilihan pelajar adalah 'nilai perpaduan seharusnya disemai di peringkat awal persekolahan dan dalam institusi kekeluargaan'. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 36.7 peratus pelajar memilih skala 'sangat bersetuju'. Ini menggambarkan kebanyakan pelajar di IPT bersetuju bahawa nilai perpaduan seharusnya disemai di peringkat awal persekolahan dan dalam institusi kekeluargaan. Sebanyak 28.7 peratus pelajar memilih skala 'bersetuju' dan terdapat 31.4 peratus pelajar memilih skala 'tidak pasti'. Terdapat juga pelajar yang memilih skala 'sangat tidak bersetuju' dan skala 'tidak bersetuju' yang masing-masing mewakili 0.6 peratus dan 2.5 peratus.

Cadangan Masa Hadapan

Melalui kajian yang telah dijalankan, dapat diperhatikan bahawa isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan kaum dan juga polisi semasa kerajaan seperti 1Malaysia telah mendapat perhatian dan kefahaman para pelajar universiti. Akan tetapi, perhatian dan kefahaman sahaja tidak cukup untuk memastikan perpaduan kaum sedia ada ini terus kukuh dimasa hadapan. Dengan itu, adalah perlu untuk memikirkan program-program jangka masa panjang yang boleh mengeratkan hubungan perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Kajian-kajian berkaitan perpaduan kaum ini perlu dipertingkatkan untuk memastikan wujudnya satu suasana perpaduan kaum yang stabil dalam negara. Penyelidikan berkaitan perpaduan pelajar IPT perlu diperluas agar dapat memastikan pelajar diperingkat IPT faham dan hidup dengan perpaduan kaum yang kukuh. Hal ini penting, kerana mereka adalah pelapis pemimpin masa hadapan. Jika semangat perpaduan kaum dalam diri mereka rapuh tidak mustahil pada masa hadapan perpaduan kaum dalam masyarakat semakin rengang dan longgar. Keadan ini akan menimbulkan pelbagai masalah perkauman di masa hadapan, pihak kerajaan dan pihak insititusi pengajian perlu bersama-sama mengembeling tenaga memperkukuhkan perpaduan kaum. Penyelidikan berkaitan perpaduan kaum ini perlu diperluas ke institusi-institusi swasta dan peringkat persekolahan. Agar generasi yang bakal dilahirkan kelak generasi yang dapat hidup dengan aman dalam negara yang berbilang kaum dan bangsa. Hakikatnya kepentingan kaum adalah faktor utama dalam membincangkan hampir semua isu perpaduan nasional sebagai aspek penting keselamatan negara.

Acknowledgement

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama pada kumpulan kami untuk melengkapkan laporan ini. Ucapan terima kasih khas diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Utara Malaysia yang memberi sumbangan kewangan melalui geran Search Results Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) untuk membiayai seluruh proses dalam melaksanakan dan menyiapkan laporan kajian ini.

We would like to thank all those who cooperated with our team for completing this report. My special thanks go to the Ministry of Higher Education and Research and Innovation Management Centre (RIMC), Universiti Utara Malaysia, who provided financial assistance through the Search Results Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) grant to fund the entire process of implementing and preparing this research report.

Rujukan

- Abd. Manaf Haji Ahmad. (2009). *Kontrak sosial*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors.
- Abdul Muis Hussain. (2009). *Pendidikan ke Arah Perpaduan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti. Berita "Wawasan 2020" dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: 28 Februari 1991.
- Abdul Muis, Hussin & Azmier Mohamed. (2011). *Isu-isu Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Penerbit Seasons.
- Abdullah Taib. (1984). *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jary, D & Jary, J, (1991) *Collins Dictionary of Sociology*. Harper Collins, University of California. 405-406.
- Kenichi Ohmae. (1995). *Taoism: the enduring tradition*. London: Routledge.

- Lee Lam Thye. (2013). *Malaysia's Unity and Its Challenge*. Speech. Retrieved December 23, 2016, from <http://globalpeace.org.my/2013/10/malaysias-unity-its-challenges-tan-sri-lee-lam-thye-trustee-of-1malaysia-foundation/>
- Mansor Mohd Noor [ed]. (2001). *Integrasi Etnik di Institut Pengajian Tinggi Awam*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.
- Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A. Aziz. (2014). *Kontrak sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur. McGraw Hill (Malaysia)
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur. PTS Pubs. & Distributors.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2010. "Melestari Perpaduan, Memperkukuh Integrasi: Konsep Satu Malaysia sebagai Wahana Terkini" dalam *Kumpulan Dokumen-dokumen Seminar Gagasan Satu Malaysia: Kesenambungan Satu Perjuangan*. Kuala Terengganu: Kerajaan Negeri Terengganu & Universiti Malaya.
- Suhana Saad, Lyndon N., S. Selvadurai, M.S. Sarmila, R. Zaimah, A.M Azima. (2013). Malay Politics and Nation State in Malaysia. *Aisan Social Sciences*. Vol. 9 No. 8: 96-100.
- Thomas Hylland Eriksen. (2009). *Ethnicity and Nationalism: Anthropological Perspectives*. London. Pluto Press.
- Yusfarina Mohd Yussof & Abdul Rasid Jamian. (2011). Pembinaan Negara Bangsa Dan Identiti Kebangsaan Melalui Pemeraksanaan Bahasa Dalam Sistem Persekolahan. *Diges Pendidik*. Jilid 11, Bil 1/2011: 10-16